

# Cagamas terbit Nota Jangka Sederhana RM1.955b

**KUALA LUMPUR 3 Nov.** - Perbadanan Gadai Janji Nasional, Cagamas Berhad (Cagamas) menerbitkan Nota Jangka Sederhana bercampur bernilai RM1.955 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong berkata, jumlah tersebut me-

rangkumi RM1 bilion Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) tiga tahun dan RM955 juta Nota Jangka



**CHUNG  
CHEE  
LEONG**



Sederhana Islamik (IMTN).

Katanya, terbitan IMTN adalah bagi tempoh satu, tiga dan lima tahun, masing-masing bernilai RM65 juta, RM50 juta dan RM840 juta.

“Hasil terbitan akan digunakan untuk membiayai pajakan pinjaman serta pembelian rumah secara Islamik daripada sistem kewangan.

“Nota ini akan ditebus dengan nilai nominal penuh pada tempoh matang dan merupakan tanggungan tidak bercagar oleh syarikat serta mempunyai kedudukan dan taraf yang sama dengan semua tanggungan tidak bercagar sedia

ada,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Chee Leong menambah, bon dan sukuk untuk satu dan tiga tahun dimuktamadkan menerusi penempatan swasta sementara sukuk lima tahun melalui tempahan (book building).

Menurut beliau, tempahan nota-nota berkenaan menunjukkan maklum balas positif daripada para pelabur seperti dana persaraan, institusi kewangan, korporat dan pengurus aset luar negara.

“Terbitan baharu ini menjadikan keseluruhan penerbitan syarikat tahun ke tahun berjumlah RM12.4 bilion mengatasi sasaran awal iaitu RM11 bilion.

“Selain itu, ia mewakili peningkatan 68 peratus daripada jumlah terbitan keseluruhan pada 2016,” ujarnya.